

13 JUN 1999

Abdullah-PNB

SIMPANAN RAKYAT TEGUHKAN EKONOMI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata simpanan wang rakyat yang banyak terutamanya melalui skim pelaburan boleh meneguhkan ekonomi negara.

Katanya kekuatan ekonomi negara bukan sahaja bergantung kepada kekayaan sumber aslinya tetapi juga kepada tahap simpanan rakyat.

"Kita tidak ada pilihan selain meningkatkan lagi jumlah simpanan wang rakyat di samping mengajar kita semua supaya mengamalkan tabiat berjimat cermat," katanya ketika berucap menutup minggu pelaburan bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini hari ini.

Minggu pelaburan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas serentak dengan pelancaran Amanah Saham Nasional Dua (ASN2). ASN2 berjaya mengumpulkan pelaburan berjumlah RM5 juta dalam masa dua hari urusannya (Khamis dan Jumaat).

Abdullah berkata kerajaan mahu melihat kekayaan negara terus dinikmati oleh semua rakyat dan oleh itu, mereka wajar mengambil manfaat daripada peluang pelaburan yang disediakan, untuk mendapat faedah pulangan selain membantu proses pembangunan sosio-ekonomi negara.

"Saya ingin menyeru rakyat Malaysia supaya menyokong penuh usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan, iaitu dengan memanfaatkan peluang-peluang diwujudkan untuk melabur," katanya.

Kerajaan telah mewujudkan pelbagai bentuk amanah saham di negara ini bagi memastikan rakyat dapat menikmati faedah daripada pembangunan pesat negara dan sehubungan itu, kata Abdullah, usaha menggalakkan tabungan dan pelaburan khususnya dalam saham amanah akan digiatkan.

Katanya PNB ditubuhkan sebagai satu jentera terpenting dalam usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru, dan sehingga kini berjaya mengembleng tabungan lebih RM30 bilion daripada tujuh juta pelabur melalui skim-skim yang diuruskannya.

Skim-skim itu ialah Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020).

Abdullah berkata PNB, yang juga bertanggungjawab mendidik masyarakat tentang kepentingan melabur, akan terus berperanan sebagai penggerak utama melahirkan lebih banyak rakyat yang celik pelaburan dan tenaga profesional bidang pelaburan dan kewangan.

"Saya yakin PNB mampu menjadi institusi terbaik dan pelopor kepada industri pelaburan di negara ini," katanya.

Beliau berkata, minggu pelaburan bersama PNB adalah satu usaha murni untuk mendekatkan lagi masyarakat kepada PNB.

Bercakap kepada pemberita kemudian Abdullah berkata, minggu promosi yang diadakan oleh PNB itu boleh membantu mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan pemulihan ekonomi untuk faedah rakyat dan negara.

"Saya boleh katakan bahawa PNB menjadi pemangkin terpenting dalam menggalakkan pelaburan dalam amanah saham," katanya.

Ditanya mengenai kaitan antara seruan supaya rakyat menabung dan galakan supaya rakyat berbelanja bagi membantu memulihkan ekonomi, beliau berkata rakyat yang mempunyai wang simpanan akan lebih mudah untuk berbelanja berbanding mereka yang tidak berbuat demikian.

-- BERNAMA

AFY MAI